

UM – 13/08/ 2007

7 acara tunggal Sempena Kemerdekaan ke-50

Kuala Lumpur- Tujuh acara tunggal telah di rancang oleh kerajaan sempena sambutan kemerdekaan ke-50, untuk memupuk semangat patriotic di kalangan rakyat Malaysia. Menteri kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim mengumumkan dalam sidang akhbar baru-baru ini seperti berikut.

Acara 1 – Majlis Pelancaran Kemerdekaan dan kibar jalur gemilang, 17 Ogos 2007 – 8 malam, Dataran Pahlawan, Melaka.

Bagi menandakan permulaan sambutan kemerdekaan ke-50, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Kempen Kibar jalur gemilang di Dataran Pahlawan, Melaka pada 17 Ogos, pukul 8 malam.

Segmen imbasan kembali akan menghidupkan kemeriahan kepulangan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra dari London, selepas beliau berjaya memperolehi kemerdekaan negara daripada British.

Acara 2 – Program keagamaan, 29 Ogos 2007, Program keagamaan di seluruh negara pada 29 Ogos. Kesemua agama di negara ini akan mengadakan program keagamaan masing-masing untuk mendapat berkat sambutan kemerdekaan ke-50.

Acara 3 – Perayaan ambang merdeka, 30 Ogos 2007 bermula 10.30 malam di dataran merdeka. Pada 30 Ogos, imbasan kembali penurunan bendera Union Jack dan bendera Malaya di naikkan buat pertama kalinya pada tengah malam 30 Ogos 1957. Pertunjukkan pencahayaan dengan imej-imej kemajuan negara Malaysia akan di pancarkan ke bangunan-bangunan sekeliling.

Acara 4 – Perarakan dan perbarisan hari merdeka, 8 pagi hingga 11 pagi di Dataran Merdeka. Pada pagi 31 Ogos, perarakan besar-besaran oleh Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pasukan pakaian seragam dan sektor swasta termasuk kereta berhias, akan diadakan di Dataran Merdeka. Perbarisan ini akan memaparkan segmen-segmen dari pelbagai era, yang diterajui oleh Perdan-perdan Menteri Malaysia.

Acara 5 – Jamuan teh, 31 Ogos 2007 pukul 4 petang di Istana Negara. Pada hari yang sama, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur zahirah akan menjadi Tuan Rumah bagi majlis jamuan teh di Istana Negara untuk tetamu-tetamu jemputan kehormat termasuklah jemputan negara asing.

Acara 6 – Perayaan Raksasa Merdeka ke-50, 31 Ogos 2007 bermula 8.30 malam di Stadium Merdeka. Pada malamnya, sambutan akan mencapai

kemuncaknya dengan perhimpunan besar-besaran di Stadium Merdeka, yang di namakan Perayaan Raksasa merdeka ke-50.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapan. Beliau akan berucap pada 31 Ogos di Stadium Merdeka dan akan melaungkan 'Merdeka' seperti yang dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman 50 tahun lalu.

Acara 7 – Perayaan Malaysia merdeka, 10 September bermula 8 malam di Stadium Negara Kuching, Sarawak.

Acara ini akan menandakan kesimbangan sambutan kemerdekaan ke-50 sehingga tahun depan dan akan di hadiri oleh Yang di-Pertaun Agong Tuanku Mizan, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ketua menteri Sarawak.

